

Haiwan Yang Kita Sayangi:

# Tenggiling



## Mari belajar tentang tenggiling:



Tenggiling akan menggulingkan tubuhnya apabila ia terasa terancam. Ia melakukan aksi ini untuk melindungi perutnya yang lembut.



Tenggiling ialah haiwan pemakan serangga. Ia gemar memakan semut dan anai-anai. Tenggiling dewasa telah dianggarkan boleh memakan sebanyak tujuh puluh juta ekor serangga setiap tahun.



Tenggiling ialah sejenis mamalia. Sisik di tubuhnya diperbuat daripada keratin, bahan yang serupa dengan kuku kita.



Selepas ia dilahirkan, seekor anak tenggiling akan bertenggek di atas ekor ibunya selama tiga bulan.



Tenggiling ialah sejenis haiwan nokturnal. Pada waktu malam ia akan menggunakan deria bau untuk mencari semut dan anai-anai.

# Sebanyak mana yang anda tahu tentang tenggiling?

Tenggiling Sunda ialah haiwan asli Singapura! Ianya terdapat di kawasan-kawasan hutan di Singapura dan juga di pulau-pulau berdekatan.



Sisiknya yang keras amat berguna untuk melindunginya daripada pemangsa.

Tenggiling mempunyai ekor yang boleh mencengkam. Ia bagaikan kaki dan tangan tambahan untuk memanjang pokok.

Lidah tenggiling disaluti lendir yang melekit. Ia juga berukuran sepanjang tubuh tenggiling itu (tidak termasuk ekornya)!

Ia menggunakan kukunya yang tajam dan melengkung untuk menggali tanah atau membongkar sarang untuk mencari semut atau anai-anai.



# Gunakan kaedah rutin fikiran 'Lihat–Fikir–Tanya'\* untuk memulakan perbualan bersama anak anda

\*Diadaptasikan daripada Project Zero, Harvard Graduate School of Education



## Lihat

- Lihat pada sisik tenggiling ini. Perkataan apakah yang boleh kita gunakan untuk menerangkan rupa sisik tenggiling?
- Apakah yang sedang tenggiling itu lakukan?
- Saya lihat ...

## Fikir

- Bagaimanakah sisik tenggiling melindunginya?
- Mengapakah tenggiling menggulingkan tubuhnya seperti sebuah bola?
- Apakah yang sedang tenggiling itu fikirkan?
- Saya fikir ...

## Tanya

- Haiwan lain manakah yang mempunyai sisik ditubuh mereka?
- Apakah yang akan tenggiling ini lakukan selepas ini?
- Di manakah tenggiling tidur di waktu malam?
- Saya rasa ...

# Aktiviti 1:

## Bagaimanakah Taman Haiwan Singapura menjaga seekor tenggiling yang telah diselamatkan?



### Arahan



Aktiviti berkumpulan



Dapatkan gambar Si Berani atau boneka tenggiling



### Langkah 1:

Tontoni [video](#) tenggiling Si Berani yang dibawa ke Taman Haiwan Singapura untuk dirawat.



### Langkah 2:

Dapatkan gambar Si Berani atau boneka tenggiling. Kemudian gunakan kaedah rutin "Fikir – Perasaan – Simpati" \* untuk mendapatkan perspektif kanak-kanak dengan dorongan soalan-soalan di bawah.

- Fikir:** Apakah yang Si Berani fikirkan semasa kemalangan itu berlaku?  
**Perasaan:** Jika anda Si Berani, apakah perasaan anda apabila anda dapat bahawa kaki anda telah patah? Mengapakah anda berasa demikian?  
**Simpati:** Jika anda Si Berani, apakah yang akan anda risaukan semasa anda pulih?



### Langkah 3:

Secara berkumpulan, bincangkan bagaimanakah boleh kita menyelamatkan tenggiling?

\*Diadaptasikan daripada Project Zero, Harvard Graduate School of Education

## Aktiviti 2: Bergerak seperti tenggiling



Merangkak  
di dalam  
hutan

Manjat  
pokok

Menggulingkan  
diri

### Arahan



Aktiviti kendiri atau berkumpulan



Gunakan buku berkaitan dengan tenggiling



### Langkah 1:

Mainkan musik dan jemput kanak-kanak untuk bergerak seperti tenggiling. Gunakan gambar-gambar di atas sebagai contoh.



### Langkah 2:

Gunakan buku audio ('Why Did The Pangolin Cross The Road'). Lakukan aksi gerakan tenggiling setiap kali anda mendengar perkataan 'tenggiling'.